

Changkat Jong banjir



Keadaan rumah penduduk di kawasan Changkat Jong ditenggelami air semenjak petang kelmarin.

TELUK INTAN - Hujan lebat berlarutan menyebabkan 92 orang daripada 31 keluarga di dua kampung terpaksa dipindahkan selepas kediaman mereka dinaiki air semenjak petang kelmarin.

Kesemua keluarga diarah berpindah ke Dewan Sekolah Kebangsaan Changkat Jong, petang kelmarin selepas ban Sungai Sungkai pecah disebabkan air melimpah ke dua buah kampung berkenaan.

Sementara itu, Ketua Kampung Changkat Jong, Ahmad Nor Selamat, 48, se-

“ Saya menjangkakan lebih 200 penduduk akan diarahkan berpindah.

Ahmad Nor

kiranya hujan lebat berterusan, pihaknya menjangkakan lebih ramai penduduk terpaksa berpindah.

“200 penduduk akan diarahkan berpindah termasuk di kawasan Batu 7 iaitu antara kawasan yang turut terlibat banjir jika hujan lebat.

“Setakat ini tiada kejadian melibatkan nyawa dan bantuan disalurkan oleh pihak

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) bagi memastikan penduduk dalam keadaan selesa,” katanya kepada Sinar Harian ketika ditemui, di sini, semalam.

Menurutnya, ban yang dibina menggunakan pasir oleh JPS beberapa tahun lalu perlu digantikan dengan sistem pennebat banjir yang lebih efisien berbanding sebelum ini.